

## BEBAN TUGAS GURU TEKNIKAL DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL (SMPKV)

*Ruzanna Mohd Nasir & Suhaida Abd Kadir*

*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **Abstrak:**

Kertas kerja ini membincangkan beban tugas guru teknikal di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Skop perbincangan adalah difokuskan kepada beban tugas guru dalam bidang pendidikan khas. Tenaga pengajar untuk golongan ini juga sebenarnya memerlukan latihan khas yang sememangnya berbeza dengan mendidik atau mengajar pelajar normal. Mereka bukan sahaja harus mempunyai kelayakan pengurusan asas untuk mengajar sekurang-kurangnya lima tahun dalam pendidikan khas, bermotivasi tinggi dan kreatif dalam membantu golongan berkeperluan khas malah mempunyai tahap kesabaran yang tinggi. (Lokman et al., 2009). Di mana guru teknikal pendidikan khas perlu membuat Rancangan Pendidikan Khas Individu, dokumen dirancang khas untuk setiap seorang pelajar. Program Penilaian ini dilakukan secara berterusan untuk seseorang individu dan teras perancangan pendidikan dalam pendidikan khas. Kesimpulannya sebagai guru teknikal pendidikan khas, guru perlu menguasai kemahiran terutama yang berkaitan cara-cara mendidik, mengasuh malah membimbing pelajar berkeupayaan khas ini supaya mereka mampu bangun dan menjadi satu golongan penyumbang kepada pembangunan sumber manusia negara.

*Katakunci: beban tugas, guru teknikal, smpkv, pendidikan khas*

### **Pengenalan**

Pendidikan khas ialah pengajaran yang direka bentuk untuk memenuhi keperluan istimewa kanak-kanak berpengetahuan khas. (Hallahan dan Kaufman, 2000). Mengikut Heward (2003) pula pendidikan khas boleh diterangkan dalam pelbagai persepektif. Pendidikan khas sebagai intervensi iaitu proses mencegah, menghapus atau mengatasi halangan yang mungkin menyebabkan pelajar daripada penyertaan aktif dalam sekolah atau masyarakat.

Pendidikan adalah hak asasi semua manusia dan dari segi falsafahnya, semua insan di dunia ini mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu. Apabila berbicara tentang peluang pendidikan terhadap pelajar berkeperluan khas, mereka juga mempunyai minat, hasrat dan cita-cita yang setanding dengan individu normal. Mereka juga perlu diberikan peluang yang sama dengan individu normal yang lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional kerana ada dalam kalangan mereka mempunyai kecerdasan kognitif yang setanding dengan individu yang sempurna malah mereka mampu melebihi pencapaian pelajar yang normal (Adam, 2003; Lokman, 2007).

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kemampuan pelajar berkeperluan khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Khas telah merangka dan menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk pelajar berkeperluan khas yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran.

Antara kategori pelajar berkeperluan khas yang dianggap dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan baik ialah *Sindrom Down*, *autisme* ringan, *Attention Deficit Hyperactive Disorder*, terencat akal minimum dan masalah pembelajaran spesifik (Siti Mapsiah & Nor Azizah, 1995). Dalam usaha mendidik dan meningkatkan keupayaan pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar khas, silibus yang digubal tidak perlu berbeza dengan pelajar normal iaitu penekanan kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Namun begitu, kaedah yang digunakan dalam mendidik pelajar khas ini sememangnya berbeza dengan pelajar normal. Mereka perlu diberikan lebih keutamaan dari aspek penyediaan dan latihan guru, silibus mahupun kelengkapan yang disediakan di institusi pendidikan.

Guru merupakan golongan yang mendahului agensi-agensi lain untuk memainkan peranan aktif dalam melaksanakan pendidikan yang bermutu. Untuk menentukan matlamat Pendidikan Teknikal dan Vokasional berjaya, tenaga pengajar teknikal diberi tanggungjawab dan memainkan peranan penting untuk melatih dan melahirkan generasi muda yang serba berkemahiran. Oleh itu, golongan tenaga pengajar kini telah diklasifikasikan sebagai golongan terpenting yang



dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan impian dan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 (Ong, 2000).

Beban tugas guru, pentadbiran dan isu-isu pengurusan bilik darjah serta kekurangan penyeliaan dari pasukan sokongan menunjukkan bahawa ianya dapat memberikan tekanan yang tinggi dalam profesion perguruan. (Spilt et al.,2011).Beban tugas dapat didefinisikan sebagai amanah yang dipertanggungjawabkan kepada guru sama ada dilakukan di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah dan bertujuan untuk menyelesaikan kerja-kerja berkaitan dengan sekolah (Shukri,1998).

### **Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)**

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) merupakan salah satu sekolah kluster di Malaysia. Penubuhan Sekolah Kluster terkandung dalam Bab 9, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), yang telah dilancarkan pada 16 Januari 2006. Pewujudan Sekolah Kluster adalah berdasarkan pendekatan kedua PIPP, iaitu untuk mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan yang mekanismenya dinyatakan dalam Teras Strategik Ke-6, Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan. Tujuan sekolah cluster diwujudkan bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia. (KPM,2006).

SMPKV telah diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia sebagai Pusat Bertauliah (K05048) untuk 11 kursus kemahiran vokasional yang dijalankan di sekolah ini. Pada tahun 1989, sebahagian daripada pelajar sekolah ini mengikuti kursus kemahiran vokasional, yang merupakan kumpulan pertama, telah mengambil peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) anjuran JPK. SMPKV juga pernah menawarkan kursus-kursus kemahiran seni kepada pelajar-pelajarnya iaitu Kursus Seni Reka Grafik, Seni Reka Tekstil, Seni Reka Seramik dan Seni Halus.

Kursus Kemahiran Vokasional adalah mata pelajaran aliran kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) iaitu sebuah badan akreditasi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sukatan pelajaran yang digubal oleh Jabatan Pembangunan Kebangsaan (JPK) dan dikenali sebagai *National Occupational Skill Standard (NOSS)*.

Falsafah Pendidikan Khas (FPK) iaitu memberi peluang yang sama bagi psikologi seimbang pada pelajar tersebut, melahirkan masyarakat bersatu padu, berdisiplin dan terlatih serta pelajar mempunyai perkembangan optimum individu. Matlamat Pendidikan Khas adalah dengan mewujudkan pendidikan bermutu iaitu terdedah kepada persekitaran hidup sebenar. Selain itu, pelajar dapat belajar dalam kelas harian biasa dan mereka tidak merasa tersisih serta tidak merasa rendah diri. Menyuburkan keupayaan intelek, emosi, sosial dan jasmani ini akan memberi mereka latihan untuk berdikari dan menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Mencegah ketidakupayaan mereka dari menjadi kecacatan supaya mereka tidak merasa kekurangan dalam diri serta dapat mengeratkan mereka dengan masyarakat biasa.

Guru perlu mempunyai kemahiran diertikan sebagai ketrampilan, kecekapan dan pengetahuan guna tenaga dalam bidang teknikal yang melibatkan operasi kognitif, psikomotor dan penggunaan sumber yang berkesan (Zamri,2007). Dalam konteks ini, kemahiran bermaksud ketrampilan, kecekapan dan berpengetahuan dalam menyampaikan kemahiran kepada golongan pelajar berkeperluan khas.

Guru teknikal pendidikan khas merupakan seorang guru terlatih serta mereka mempunyai kelayakan perguruan asas. Beliau juga perlu memiliki sifat sabar, rajin, sentiasa berikhtiar, kreatif, mesra, merancang sesuatu dengan berkesan dan bekerjasama dengan pihak lain. (Chua Tee Tee et al., 1992). Pelajar yang dikategorikan pendidikan khas adalah yang mempunyai masalah kerencatan akal iaitu cacat pendengaran, penglihatan dan fizikal, mengalami masalah pembelajaran atau masalah kesihatan iaitu lembam pelajar yang lambat terima pelajaran dan sukar sesuaikan diri dengan sekolah biasa. *Epilepsi* atau sawan, pelajar hilang ingatan untuk sementara waktu, cepat lupa serta suka mengulangi soalan yang sama.

Kajian lepas berkaitan SMPKV, pendidikan vokasional pelajar berkeperluan khas ke arah memenuhi pasaran pekerjaan. (Anizam, Manisah & Amla, 2013). Kajian kes ini cuba untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran yang diberikan oleh pihak sekolah kepada pelajar berkeperluan khas sebelum mereka memasuki pasaran pekerjaan.



Kajian Lokman et al., (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk pelajar berkeperluan khas, kajian yang menganalisis pengajaran dan pembelajaran (pdp) untuk golongan berkeperluan khas dalam bidang teknik dan vokasional yang masih kurang diteliti dalam bidang pendidikan khas.

Kajian telah dijalankan kepada pelajar SMPKV oleh Zarina (2003) bertajuk Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar-pelajar Pendidikan Khas Aliran Teknik dan Vokasional: Satu tinjauan. Selain daripada itu juga, kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan corak atau pola pemilihan kerjaya yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Pendidikan Khas berdasarkan keadaan keluarga dan keadaan pekerjaan itu sendiri. Walaubagaimanapun, kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti kerjaya yang menjadi pilihan pelajar-pelajar Pendidikan Khas aliran Teknik dan Vokasional.

### **Beban Tugas**

Secara amnya, beban tugas yang banyak akan memberi kesan terhadap kepuasan bekerja. Kajian Mohd Najib (2006), yang meninjau pendapat guru Pendidikan Khas berkaitan pendidikan Inklusif mendapati cabaran dan isu yang sering dihadapi termasuk dari faktor beban tugas di mana guru Pendidikan Khas banyak diberikan tugas ko-kurikulum dan lain-lain apabila mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna, ia memberi gambaran yang negatif kepada guru lain sebagai tidak bertanggungjawab dan tidak bekerjasama. Sudah menjadi satu fenomena di mana profesion perguruan dibebani dengan tugas yang pelbagai. Kadang kala tugas seorang guru perlu bekerja lebih masa untuk menyelesaikan semua tugas menyebabkan guru tidak mempunyai masa yang mencukupi.

Guru teknikal pendidikan khas perlu membuat Rancangan Pendidikan Khas Individu, dokumen dirancang khas untuk seorang pelajar. Di mana kontrak tentang perkhidmatan yang perlu disediakan untuk seseorang pelajar. Selain itu, Program Penilaian berterusan untuk seseorang individu dan teras perancangan pendidikan dalam pendidikan khas. Program Pendidikan Pemulihan iaitu usaha memperbaiki sesuatu kekurangan atau membetulkan sesuatu yang tidak betul serta memerlukan lebih banyak pengalaman konkrit atau situasi sebenar untuk memahami konsep pengajaran dan pembelajaran (pdp) pendidikan khas.

Objektif program pendidikan pemulihan adalah untuk membantu membina konsep kepada sesuatu kemahiran, membina keyakinan diri pelajar pendidikan khas, membetulkan konsep atau kemahiran yang salah dan memberi peluang kepada pelajar belajar mengikut kebolehnya. Proses yang dilakukan oleh guru teknikal pendidikan khas adalah mengenal pasti pelajar yang lemah dan masalah pembelajaran mereka, menentukan punca atau kelemahan pelajar pendidikan khas, guru perlu memilih tindakan yang bersesuaian dan menilai kejayaan program pendidikan pemulihan.

Guru teknikal pendidikan khas perlu melakukan Program Pengayaan iaitu aktiviti meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran pelajar pendidikan khas. Guru perlu memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perkembangan minat, kreativiti, sifat ingin tahu, sifat berdikari dan bakat kepimpinan. Penilaian dibuat melalui dua kategori iaitu kategori secara mendatar guru membuat penilaian untuk kumpulan mengikut kebolehan pelajar pendidikan khas dan kategori secara menegak untuk pelajar cergas sahaja.

Proses program ini adalah melalui pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pelajar yang menguasai kemahiran atau pengetahuan guru perlu melaksanakan aktiviti pengayaan manakala pelajar yang tidak menguasai pendekatan secara pemulihan perlu dilaksanakan serta penilaian semula pelajar sama ada menguasai kemahiran atau pengetahuan setelah itu guru perlu melaksanakan aktiviti pengayaan.

### **Rumusan**

Guru secara amnya adalah individu utama yang diamanahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) kepada pelajar, sama ada rela atau tidak mereka dituntut membangunkan diri dengan sebarang bentuk perubahan serta pembaharuan yang berlaku dari masa ke semasa. Daripada perbincangan, penyelidik merumuskan beban tugas merupakan salah satu faktor yang akan mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru teknikal. Tugas guru teknikal bukan sahaja melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp) di dalam kelas sahaja, malah



ia melangkau jauh dengan penggunaan bengkel, alatan dan mesin memerlukan tahap pengawasan tinggi dari segi keselamatan kerana ia melibatkan pelajar pendidikan khas.

Tidak cukup dengan itu, persediaan untuk pengajaran di dalam bengkel atau makmal tidak boleh dibuat sekadar cukup makan sahaja. Sekiranya dibuat ala kadar sahaja, dikhuatiri objektif pengajaran tidak tercapai secara menyeluruhan kepada semua pelajar. Di sini kita dapat lihat betapa berat dan besarnya peranan seorang guru teknikal dalam usaha melahirkan modal insan. Ini tidak termasuk lagi tugas yang lain terpaksa dilakukan oleh seorang guru teknikal ianya boleh menambah beban sedia ada.

Kesimpulannya sebagai guru teknikal pendidikan khas, guru perlu menguasai kemahiran terutama yang berkaitan cara-cara mendidik, mengasuh malah membimbing pelajar berkeupayaan khas ini supaya mereka mampu bangun dan menjadi satu golongan penyumbang kepada pembangunan sumber manusia negara. Kemahiran dan teknik pengajaran yang baik serta serasi dengan kemampuan pelajar berkeperluan khas dijangka dapat mempertingkatkan minat mereka terhadap pelajaran yang dipelajari. (Abdul Razak 1997; Esah 2003).

Dalam usaha mendidik golongan ini, kemahiran yang tinggi perlu dimiliki khususnya dalam bidang teknikal dijangka akan dapat membantu mereka tidak tersisih serta mampu belajar dengan lebih berkesan. (Lokman et al., 2009). Tenaga pengajar untuk golongan ini juga sebenarnya memerlukan latihan khas yang sememangnya berbeza dengan mendidik atau mengajar pelajar normal. Mereka bukan sahaja harus mempunyai kelayakan pengurusan asas untuk mengajar sekurang-kurangnya lima tahun dalam pendidikan khas, bermotivasi tinggi dan kreatif dalam membantu golongan berkeperluan khas malah mempunyai tahap kesabaran yang tinggi. (Lokman et al., 2009).

#### **Rujukan:**

- Abdul Razak Othman. (1997). *Persepsi guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu terhadap reka cipta*. Disertasi Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Anizam, Manisah & Amla (2013). *Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan*. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, Malaysia.
- Adam Salleh. (2003). *Orang cacat masih terpinggir*. Utusan Malaysia. <http://utusan.com.my> (dicapai pada 24 Julai 2007).
- Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon. (1992). *Pendidikan khas dan pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dinham, S. & Scott, C. (2000) *Moving into the third, outer domain of teacher satisfaction*. Journal of Educational Administration, 38(4), 379-96.
- Esah Sulaiman. (2003). *Asas pedagogi*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hallahan and Kaufman (2000). *Exceptional Learners: Introduction to Special Education*. Pearson
- Lokman Ismail. (2007). *Beri peluang pada orang kurang upaya*. Utusan Malaysia. <http://utusan.com.my> (dicapai pada 28 Julai 2007).
- Lokman Mohd Tahir, Nurul Qistin Mustafa & Mohd Hanafi Mohd Yassin (2009). *Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 24, 73–87.
- Siti Mapsiah dan Nor Azizah Salleh. (1995). *Pendidikan Vokasional: Formal dan Non Formal ke Arah Wawasan 2020*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas Negara Abad Ke-21, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Spilt, J. M., Koomen, M. Y., & Thijs, J. T. (2011). Teacher wellbeing: the importance of teacher-student relationships. *Educational Psychology Review*, 23, 457-477.
- Zamri Sahaat. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar khas (cacat pendengaran) dalam mata pelajaran vokasional—Satu tinjauan kes di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, Seksyen 17, Shah Alam*. Disertasi Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zarina Mat Sapri (2003). *Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar-pelajar Pendidikan Khas Aliran Teknik dan Vokasional: Satu Tinjauan*. Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.

